

Headline	Siasat punca kes		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	16 Oct 2011	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	60,000
Page No	19	Readership	
Language	Malay	ArticleSize	201 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,105
Frequency	Daily	PR Value	RM 3,315



Siasat punca kes

Wanita dakwa dijangkiti HIV selepas terima darah

ROSDALILAH ZAHARI

IPOH - Jabatan Kesihatan Negeri diarah supaya menjalankan siasatan secara terperinci berhubung dakwaan seorang pesakit wanita warga emas yang dijangkiti HIV sewaktu menjalankan pemindahan darah akibat penyakit kencing manis sejak tahun 2009.

Pesakit berusia 56 tahun itu mengalami penyakit kencing manis sejak 17 tahun lalu dan mula menjalankan rawatan hemodialisis kira-kira tiga tahun lalu.

Exco Kerajaan Negeri, Datuk Dr Mah Hang Soon berkata, sepanjang rawatan dilaksanakan sebanyak lapan pain darah diterima melalui pemindahan darah yang dijalankan ke atas wanita terbabit.

Menurutnya, setakat ini analisa sudah dijalankan ke atas enam daripada lapan penderma darah terbabit dan keputusannya didapati negatif HIV.

Katanya, dalam masa yang sama, pihaknya masih menunggu keputusan ujian darah seorang lagi pen-

derma darah terbabit.

"Keputusannya boleh diperolehi dalam tempoh 24 jam selepas ujian dijalankan.

"Bagaimanapun, kami masih mengesan seorang lagi penderma darah dan berharap ia dapat tampil supaya ujian darah boleh dijalankan dengan segera," katanya pada sidang media di Hospital Raja Permaisuri Bainun (HRPB), semalam.

Terdahulu, Hang Soon meluangkan masa satu jam melawat pesakit malang terbabit bagi mengenal pasti masalah dan punca sebenar berhubung kejadian itu.

Sebelum ini, pesakit terbabit menjalankan rawatan hemodialisis di Hospital Teluk Intan namun dipindahkan ke HRPB untuk mendapatkan rawatan lanjut.

Beliau berkata, wanita itu sudah empat hari dimasukkan di hospital



HANG SOON

berkenaan sejak Selasa lalu.

"Kami ada menawarkan rawatan 'continuous ambulatory peritoneal dialysis' (CAPD), namun pesakit terbabit mahu meneruskan rawatan hemodialisis seperti biasa," katanya.

Sehubungan itu, beliau sudah mengarahkan Pengarah Kesihatan Negeri, Datuk Ahmad Razin Ahmad Mahir untuk menyiasat perkara berkenaan secara teliti dengan segera.

"Kami juga akan meminta pendapat daripada pakar neforologi (nephrology) dan pakar penyakit berjangkit untuk melihat lebih lanjut mengenai masalah ini.

"Dan rawatan ke atas penyakit itu akan diteruskan selain memberi sokongan dan bantuan secukupnya kepada beliau sehingga perkara ini menemui jalan penyelesaian," katanya.